

17 APR 2001

Lajim-Politik

MEKANISMA KHAS BANTERAS POLITIK WANG AKAN DIWUJUDKAN

KOTA KINABALU, 17 April (Bernama) -- Satu mekanisma yang membabitkan penubuhan sebuah unit khas akan diwujudkan bagi membanteras masalah politik wang dalam Umno, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin.

Perkara itu sudahpun dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) yang diadakan baru-baru ini dan akan diumumkan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

"Perkara itu sudah dibincang. Semalam kita sudah bincang (perkara itu) dan ada kaedah-kaedah dan penemuan cara tertentu untuk menghapuskan politik wang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Sains Tanah 2001 anjuran Persatuan Sains Tanah (MSSS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini hari ini.

Lajim yang juga anggota MT, berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir mengenai penggunaan wang dalam pemilihan bahagian yang sedang berlangsung.

Unit khas yang dicadangkan itu akan memantau seluruh proses pemilihan, katanya yang juga Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan.

Anggota MT sendiri telah bersetuju untuk memberi penjelasan kepada anggota-anggota Umno dalam mana-mana perjumpaan supaya menghindarkan diri dari politik wang, kata Lajim.

"Kalau anggota Umno memilih pemimpin yang menyogok maka parti akan rugi kerana kita tidak dapat menampilkan pemimpin yang berkebolehan," katanya.

Menurutnya, perkara itu turut ditekankan oleh beliau dalam lawatannya di Sandakan dan Sipitang.

Beliau turut meminta semua anggota Umno supaya melaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) sekiranya ada pemimpin-pemimpin yang mengamalkan politik wang.

Terdahulu, Lajim berkata teknologi baru dalam sektor pertanian haruslah dapat meningkatkan produktiviti atau pendapatan selain dari mengatasi masalah yang dihadapi oleh para petani.

Di samping itu, dalam usaha meningkatkan penggunaan tanah secara optimum, ianya mestilah dilakukan secara mapan ke tahap yang dapat mengekalkan keadaan semulajadi alam sekitar, katanya.

--BERNAMA

HAK RI